



CAMBRIDGE  
International Education

# Cambridge IGCSE™

---

**MALAY**

**0546/12**

Paper 1 Listening

**May/June 2025**

TRANSCRIPT

**Approximately 50 minutes (including 6 minutes' transfer time)**

---

---

This document has **12** pages. Any blank pages are indicated.

E Cambridge Assessment International Education, June 2025 examination in Malay. Paper 1, Listening for Cambridge IGCSE.

**M1 Soalan-soalan 1 hingga 8**

**M1** Anda akan mendengar beberapa rakaman ringkas.

**M1** Anda akan mendengar setiap rakaman sebanyak dua kali.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak jawapan yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

(*Pause 3 seconds.*)

**M1** Dania dan Ali pergi berkelah.

**M1 Soalan 1**

**M1** Ali tanya di mana mereka akan duduk. Dania berkata:

**F1** \* Kita akan duduk di tepi air.

**M1** Di manakah mereka akan duduk? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 2**

**M1** Ali tanya apa Dania bawa. Dania berkata:

**F1** \*Saya bawa buah-buahan.

**M1** Dania membawa ...\*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 3**

**M1** Dania mahu berenang. Dia berkata:

**F1** \*Oh, saya terlupa bawa tuala!

**M1** Dania terlupa bawa apa? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 4**

**M1** Ali mahu makan aiskrim. Dania berkata:

**F1** \* Gerai aiskrim dekat kawasan letak kereta.

**M1** Di mana gerai aiskrim? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 5**

**M1** Ada ramai orang di situ. Dania berkata:

**F1** \* Mereka bermain layang-layang!

**M1** Apakah yang mereka buat? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 6**

**M1** Mereka bersiap untuk pulang. Dania bertanya:

**F1** \* Di mana bakul saya?

**M1** Dania mencari apa? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 7**

**M1** Semasa berjalan pulang, Dania rasa dahaga. Dania berkata:

**F1** \* Saya mahu minum jus oren.

**M1** Dania mahu minum ...\*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 8**

**M1** Mereka lewat sampai di rumah. Dania erkata:

**F1** \* Sekarang sudah pukul 8 malam!

**M1** Mereka sampai pada pukul berapa? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan-soalan 9 hingga 14**

**M1** Anda akan mendengar satu pengumuman tentang jualan barang-barang terpakai. Anda akan mendengar pengumuman ini sebanyak dua kali.

**M1** Pengumuman akan dihentikan seketika.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

(Pause 30 seconds.)

**F1** \* Selamat datang ke Dewan Serba Guna! Hari ini kita ada jualan barang-barang terpakai. Di Dewan A, anda akan dapat pakai-pakaian terpakai yang masih elok. Di Dewan B, ada barang-barang dapur yang anda boleh guna setiap hari. Dan di Dewan C ada barang untuk taman anda.

**F1** Jika anda ada apa-apa masalah anda boleh pergi ke Dewan D. Ada kaunter informasi di situ.

**F1** Sebahagian daripada hasil jualan ialah untuk pembinaan taman kanak-kanak. Anda boleh juga memberi sumbangan wang tunai dan masukkan ke dalam tabung-tabung yang terdapat di setiap dewan.

(Pause 5 seconds.)

**F1** Ada beberapa aktiviti yang disediakan untuk kanak-kanak kecil. Mereka boleh bermain di taman, tetapi mereka juga boleh meluangkan masa di Dewan E, di mana mereka boleh melukis, bermain permainan papan dan juga bermain congkak. Ada penjaga yang bertanggungjawab untuk menjaga dan melayan mereka.

**F1** Anda boleh membawa barang-barang terpakai anda ke sini minggu depan dan serahkan kepada salah seorang sukarelawan. Kami masih memerlukan barang-barang untuk sekolah, terutama sekali alat tulis.

**F1** Kami juga bercadang untuk membantu mangsa banjir yang berlaku di kawasan berdekatan baru-baru ini. Yang paling diperlukan ialah pakaian kanak-kanak. \*\*

(Pause 10 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar pengumuman ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 10 seconds.)

**M1 Soalan-soalan 15 hingga 19**

**M1** Anda akan mendengar dialog antara Balqis dengan Adrian tentang bahan-bahan bacaan kawan-kawan mereka.

**M1** Anda akan mendengar dialog ini sebanyak dua kali.

**M1** Padankan nama dengan kenyataan yang betul **A**, **B**, **C**, **D**, **E** atau **F**. Bagi setiap nama, tulis huruf yang betul **A** hingga **F** di atas garis jawapan.

**M1** Anda mempunyai beberapa saat untuk membaca maklumat.

(Pause 30 seconds.)

**M1** \* Helo Balqis. Saya tahu awak banyak membaca. Ceritakan sedikit tentang koleksi buku awak.

**F1** Saya suka membaca sebab membesar dikelilingi oleh orang yang gemar membaca. Sejak dewasa ini saya suka mengumpul dan membaca buku-buku tentang tokoh-tokoh terkenal seperti Michelle Obama dan Malala yang berasal dari Pakistan. Dia memperjuangkan pendidikan untuk kaum wanita. Saya rasa kagum.

**M1** Saya tahu Haris banyak menghabiskan masanya di kedai-kedai buku! Buku jenis apa agaknya dia suka beli?

**F1** Haris seorang yang kelakar! Dia minat buku-buku yang membuatnya ketawa, buku-buku yang lucu. Kadang-kadang di majlis-majlis, dia diminta untuk menghiburkan penonton. Dia mendapat inspirasi daripada buku-buku ini.

**M1** Bagaimana pula Lisa?

**F1** Saya pergi ke perpustakaan awam dengan Lisa minggu lepas dan saya nampak dia pinjam banyak buku mengenai negara-negara yang mempunyai sejarah-sejarah yang menarik seperti negara China dan negara-negara Timur Tengah. Dia ingin melawat negara-negara ini.

**M1** Saya dengar Maimun juga ada banyak buku di rumahnya. Apa agaknya yang menjadi minatnya?

**F1** Saya kenal Maimun dari kecil lagi. Sekarang ini, dia suka membaca buku-buku penyiasatan jenayah, buku detektif dan kadang-kadang yang menyeramkan.

**M1** Awak tahu apa yang Siew Lee suka baca? Saya ingin menghadiahkan buku untuk hari jadinya.

**F1** Sejak Siew Lee menonton filem-filem seperti Star Wars, dia suka membaca buku-buku tentang dunia asing dan makhluk asing seperti robot! Dia memang suka cerita-cerita fantasi di angkasa lepas. \*\*

(Pause 10 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar dialog ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 10 seconds.)

**M1 Soalan-soalan 20 hingga 28**

**M1** Anda akan mendengar satu temu bual dengan Afza, seorang penghias dalaman. Temu bual ini terdapat dalam dua bahagian.

**M1** Rakaman dihentikan sekejap selepas bahagian pertama sebelum bahagian kedua dimulakan.

**M1 Bahagian 1: Soalan-soalan 20 hingga 24**

**M1** Anda akan mendengar bahagian pertama temu bual ini sebanyak dua kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 20 hingga 24**.

(Pause 30 seconds.)

**M1** \* Helo Afza. Bagaimana anda mula berminat dalam bidang hiasan dalaman?

**F1** Saya sering ikut kawan saya semasa dia mengubah suai rumah-rumah pangsa kecil. Saya memandunya dan menolong dia untuk membeli barang-barang untuk menghias rumah atau dewan.

**M1** Jadi apa yang mendorong anda selepas itu?

**F1** Kawan saya tahu saya ada kelayakan dalam bidang seni reka. Saya pernah mengajar dalam bidang grafik dan sedang menunggu tawaran untuk terus belajar. Kawan saya beri saya pilihan untuk menghias bilik kanak-kanak atau bilik orang dewasa.

**M1** Apakah yang menjadi pilihan anda?

**F1** Saya tidak gemar menghias bilik untuk orang dewasa. Saya lebih suka menggunakan watak-watak dalam buku kanak-kanak sebagai hiasan. Orang dewasa lebih suka hiasan sederhana. Ada yang suka seni reka dari negara asing.

**M1** Sudah beberapa lama anda berada dalam bidang hiasan dalaman?

**F1** Saya bekerja secara sambilan selama dua tahun dan selepas itu saya menubuhkan syarikat sendiri. Sekarang sudah hampir 15 tahun saya bekerja bersendirian dan menumpu pada hiasan dalaman untuk rumah pangsa kecil.

**M1** Bilakah orang suka menghias kediaman mereka?

**F1** Wang bukanlah faktor utama dalam hal ini. Kebanyakan orang suka rumah mereka dihias semasa mereka tidak berada di rumah. Mereka suka kalau rumah mereka sudah siap dihias semasa mereka pulang.

**M1** Apakah penghias dalaman lebih suka kalau tuan rumah lebih terlibat dalam kerja mereka?

**F1** Oh tidak juga. Saya lebih suka kalau mereka tidak ada. \*\*

(Pause 15 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian pertama temu bual ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 15 seconds.)

**M1 Bahagian 2: Soalan-soalan 25 hingga 28**

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua temu bual dengan Afza sebanyak dua kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 25 hingga 28**.

(*Pause 30 seconds.*)

**M1** \*\*\* Apakah cabaran yang anda hadapi?

**F1** Sekarang ramai orang suka memperbaiki dan menghias sendiri. Walaupun tidak ada pengalaman, mereka belajar dari lelaman web dan dari majalah. Barang-barang hiasan juga boleh dibuat sendiri. Ini tentu sekali menjimatkan wang tanpa menggajikan orang lain.

**M1** Sejak anda menceburi bidang ini apa lagi yang berbeza?

**F1** Banyak. Kami tidak lagi perlu bekerja di pejabat. Yang kami perlu ialah komputer canggih yang boleh membantu membuat rekaan dalaman. Pelanggan juga boleh menggunakan komputer sebegini untuk menyumbang idea mereka.

**M1** Adakah anda menghias rumah anda sendiri?

**F1** Ya, nasib baik suami saya juga dalam bidang yang sama walaupun dia seorang pakar landskap. Tapi bukan selalu kami bersetuju tentang sesuatu idea. Dia ada syarikatnya sendiri.

**M1** Apakah hala tuju syarikat anda?

**F1** Saya mahu anak-anak mewarisi kedua-dua buah syarikat kami dan gabungkan perkhidmatan yang ditawarkan – hiasan dalaman serta landskap. Mereka sudahpun bersetuju!

**M1** Terima kasih, Afza. \*\*\*\*

(*Pause 15 seconds.*)

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua temu bual ini untuk kali kedua.

(*Repeat from \*\*\* to \*\*\*\* then pause 15 seconds.*)

## M1 Soalan-soalan 29 hingga 34

**M1** Anda akan mendengar temu bual dengan Roberto, seorang guru dari Itali. Anda akan mendengar temu bual ini sebanyak dua kali.

**M1** Ada tempat berhenti semasa temu bual.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

(*Pause 1 minute.*)

**F1** \* Helo Roberto. Boleh anda beritahu serba sedikit tentang diri anda?

**M1** Ya, boleh! Saya berasal dari bandar Venice di Itali. Saya suka tinggal di negara di mana saya tidak perlu memakai pakaian tebal. Hujan di negara ini seperti hujan di Venice, agak lebat. Saya kagum dengan masyarakat berbilang bangsa dengan budaya yang berbeza.

**F1** Wah, Roberto fasih bercakap dalam bahasa Melayu! Saya kagum.

**M1** Ya! Sebelum datang ke sini, saya sudah pun belajar sedikit-sedikit secara dalam talian. Bahasa Melayu tidak serumit bahasa lain, misalnya bahasa Russia yang mempunyai abjad yang berbeza. Sebutannya mengikut ejaan, tidak seperti bahasa Inggeris. Oleh sebab saya mengajar bahasa Itali, saya mudah belajar bahasa asing.

**F1** Oh, ya ka. Saya pun ingin belajar bahasa Itali!

**M1** Ya, saya di sini untuk mengajar bahasa Itali. Dan saya ingin berlatih bercakap dalam bahasa Melayu. Apa yang sukar ialah ramai orang lebih suka bercakap Inggeris dengan saya! Dan ini satu masalah. Saya suka bergaul dengan masyarakat di sini yang sangat mesra.

(*Pause 15 seconds.*)

**F1** Adakah anda akan sarankan supaya orang 'Malaysia melawat negara anda?

**M1** Ya, walaupun ramai yang tahu tentang Itali, mereka yang pergi ke Venice adalah generasi yang suka melancong. Venice ialah sebuah bandar yang dikelilingi air. Pelancong suka pengalaman bersiar-siar dengan menaiki bot. Sudah tentu pelancong suka tempat-tempat bersejarah di Itali tetapi yang paling mereka gemar ialah kek dan aiskrim Itali yang sangat terkenal.

**F1** Sudah dua tahun anda di sini, apa yang anda sering terkenang?

**M1** Saya sering buat panggilan video dengan ahli keluarga saya tetapi ini tidak sama seperti berada di samping mereka. Saya mungkin boleh hidup tanpa keadaan kelam kabut di Venice dan kesibukan bandar yang penuh dengan pelancong. Dari segi makanan pula, semuanya ada di sini – malah saya suka cara orang di sini masak makanan Itali. Ada kelainan yang saya sangat suka.

**F1** Ramaikah orang yang belajar bahasa Itali di Malaysia dan mengapa?

**M1** Ada banyak syarikat yang menghantar pekerja mereka ke Itali dan mereka perlu berbahasa Itali. Ada yang belajar kerana suka-suka sahaja. Semua pelajar rasa kelakar sebab bercakap bahasa Itali bukan dengan mulut sahaja. Orang Itali bercakap menggunakan pergerakan tangan juga! Jadi, tidak cukup belajar dengan buku sahaja.

**F1** Terima kasih, Roberto. \*\*

(*Pause 15 seconds.*)

**M1** Sekarang anda akan mendengar temu bual ini untuk kali kedua.

(*Repeat from \* to \*\* then pause 15 seconds.*)

**M1 Soalan-soalan 35 hingga 37**

**M1** Anda akan mendengar perbualan dua orang kawan, Adam dengan Anisa tentang zaman pembesaran Anisa di luar negara. Anda akan mendengar perbualan ini sebanyak dua kali.

**M1** Ada dua tempat berhenti semasa perbualan ini.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda (✓) dalam **dua** kotak yang betul (**A**, **B**, **C**, **D** atau **E**).

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca kenyataan-kenyataan berikut.

(*Pause 45 seconds.*)

**M1** \* Anisa sekeluarga pulang untuk tinggal di Kuala Lumpur selepas agak lama di Dubai, ya!

**F1** Saya memang sangat menantikan masa ini. Boleh dikatakan saya hampir tidak kenal tanah air saya sendiri. Sekarang baru saya belajar tentang negara sendiri.

**M1** Mengapa Anisa begitu lama di luar negara?

**F1** Bapa saya bekerja dalam bidang minyak dan gas di Scotland. Dia bertemu dan berkahwin dengan ibu saya di sana. Di situ juga saya dilahirkan.

**M1** Bila Anisa sekeluarga pindah ke Timur Tengah?

**F1** Semasa saya berusia tiga tahun. Bapa bekerja di Qatar selama empat tahun sebelum berpindah ke Dubai. Di sini agak lama.

**M1** Bagaimana dengan persekolahan?

**F1** Di setiap negara saya belajar di sekolah antarabangsa. Yang penting, ada mata pelajaran bahasa Melayu!

(*Pause 20 seconds.*)

**M1** Semasa membesar di Timur Tengah, apa yang mempengaruhi Anisa?

**F1** Budaya! Kita mesti pandai ambil yang baik dan tinggalkan yang tidak sesuai dengan kita.

**M1** Siapa membimbing Anisa?

**F1** Ibu bapa saya serta keluarga yang datang melawat dari Malaysia. Mereka banyak mengajar dan menasihati saya.

**M1** Apakah faedah mempunyai kawan-kawan di sekolah antarabangsa?

**F1** Memang banyak faedah apabila kita bergaul dengan kawan-kawan dari serata dunia. Ini membuka minda kita kepada cara hidup yang berbeza. Tetapi kita tidak boleh lupa asal usul kita.

**M1** Apakah yang Anisa belajar daripada mereka?

**F1** Saya menghargai budaya kerja kawan-kawan yang berasal dari Jepun. Mereka sangat sopan dan rajin. Bagi mereka, warga emas mesti dihormati.

(*Pause 20 seconds.*)

**M1** Apa rancangan Anisa untuk masa depan?

**F1** Saya sudah kenal datuk nenek tapi ingin kenal lagi sepupu-sepupu saya pula.

**M1** Dan dari segi pelajaran atau pekerjaan?

**F1** Saya sudah membuat permohonan universiti tapi perlu kelulusan bahasa Melayu dahulu. Saya yakin! Saya ingin belajar dalam bidang politik antarabangsa sebab saya sudah pun tahu tentang politik luar negara.

**M1** Bagaimana dengan ibu bapa Anisa?

**F1** Bapa saya sekarang bekerja dengan syarikat tempatan. Ini bermakna dia akan terus tinggal di Malaysia. Ibu sangat gembira dengan kerjaya baharu ini. Sudah lama dia ingin pulang.

**M1** Bagaimanakah kehidupan di luar negara membentuk Anisa?

**F1** Saya fikir saya boleh mendapat manfaat dari kedua-dua persekitaran di mana saya dibesarkan. Kehidupan di banyak tempat di luar negara telah mematangkan saya. Saya sangat bersyukur.

**M1** Saya setuju, Anisa! \*\*

(Pause 45 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar perbualan ini untuk kali kedua

(Repeat from \* to \*\* then pause 45 seconds.)

**M1** Sekarang anda diberi masa selama enam minit untuk menulis jawapan anda ke atas kertas jawapan berasingan. Ikut arahan yang terdapat di atas kertas tersebut.

**E** There will now be six minutes for you to copy your answers onto the separate answer sheet. Follow the instructions on the answer sheet.

(Pause 6 minutes)

**M1** Ujian tamat.

**E** This is the end of the examination.

**BLANK PAGE**

---

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (Cambridge University Press & Assessment) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at [www.cambridgeinternational.org](http://www.cambridgeinternational.org) after the live examination series.

Cambridge International Education is the name of our awarding body and a part of Cambridge University Press & Assessment, which is a department of the University of Cambridge.